

**Penglibatan NGO Dalam Jawatankuasa Terpilih Parlimen Hanya Helah Pembangkang - Musa Aman**  
**Bernama**  
**18 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Cadangan Parti Keadilan Rakyat (PKR) supaya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) dilibatkan dalam Jawatankuasa Terpilih Parlimen adalah hanya helah pembangkang dalam usaha memesonkan pemikiran rakyat, kata Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman.

Beliau berkata pembangkang sebenarnya hanya mahu menggunakan NGO sebagai batu loncatan buat mereka menzahirkan kepada rakyat bahawa kononnya kerajaan tidak bersikap telus dalam sistem pilihan raya.

"Sekarang kerajaan hanya melakukan perkara yang sepatutnya malah, jawatankuasa terpilih ini adalah jawapan kepada tuntutan mereka (mengenai ketelusan sistem pilihan raya)," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama mahasiswa Sabah anjuran Kumpulan Yayasan Sabah di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam Khamis.

Musa diminta mengulas mengenai tuntutan pembangkang termasuk PKR yang mahu penyertaan NGO diambil kira dalam jawatankuasa itu yang penubuhannya diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Isnin lepas.

Musa yang menyokong penuh penubuhan jawatankuasa itu berkata apa yang kerajaan lakukan adalah amalan demokrasi biasa dan pembangkang sewajarnya turut serta dalam jawatankuasa tersebut supaya mereka tahu bahawa kerajaan sebenarnya ikhlas dalam hal itu.

"Tiada apa yang perlu disembunyikan sebab kita adalah sentiasa telus. Yang penting usaha kerajaan ini untuk membuktikan amalan demokrasi. Jika pembangkang tak puas hati, kita boleh bincang dan buat jawatankuasa supaya mereka tahu kita tidak ada lagi syak wasangka dengan mengatakan kita mempunyai agenda tersembunyi," katanya.

Mengenai perpaduan Barisan Nasional (BN) di Sabah, Musa berkata BN khususnya UMNO meneruskan usaha mendekati rakyat sehingga ke akar umbi bagi mengetahui dan menyelesaikan permasalahan yang melanda rakyat di Sabah.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609102>